

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Pengajian Bahasa Tamadun dan Falsafah
Sent: Wednesday, April 11, 2018 8:34 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Shukri B Ahmad; Dr. Ahmad Fuad bin Mat Hassan; Mohammad Faizal bin Haji Azid @ Aziz
Subject: MAJLIS SYARAHAN PERDANA PROFESOR ADJUNG: PROF. DATUK DR. AWANG SARIYAN



PUSAT PENGAJIAN
BAHASA, TAMADUN DAN FALSAFAH
SCHOOL OF LANGUAGES, CIVILISATION & PHILOSOPHY
Universiti Utara Malaysia

السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr/Tuan/Puan,



SLCP ONLINE: Pada 27 Februari 2018 lalu, Majlis Syarahan Perdana Profesor Ajdung, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia telah berjaya diadakan di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen UUM dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara. Majlis Syarahan Perdana ini dianjurkan bersempena dengan pelantikan Profesor Datuk Dr. Awang Sariyan sebagai Felo/Profesor Adjung di (SLCP) UUM sewaktu penubuhannya kira-kira dua tahun yang lalu.

Sebagai penyandang Kursi Pengajian Melayu, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia di Beijing Foreign Studies University, China, Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Awang Sariyan membicarakan topik syarahannya tentang "Hubungan Dunia Melayu-China dalam Inisiatif Laluan Sutera: Kesenambungan dan Pengisian"

Majlis Syarahan Perdana Profesor Ajdung ini dirasmikan oleh Profesor Dr. Shukri

Ahmad, Dekan SLCP. Majlis ini turut dimeriahkan oleh tetamu jemputan dari Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara, Jabatan Pendidikan Negeri, Institut Pendidikan Guru, Persatuan Penulis Kedah, Persatuan Penulis Perlis, Universiti Malaysia Perlis, para pelajar dan pelajar siswazah SLCP serta staf-staf UUM.

Bersempena dengan Majlis Syarahan Profesor Adjung ini, Unit Linguistik, Sastera dan Budaya, SLCP berkolaborasi sekali lagi dengan Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara menganjurkan Seminar Kebangsaan Menduniakan Penyelidikan Bahasa, Sastera, Budaya dan Agama pada 28 Februari 2018 bagi menampakkan satu kesinambungan dalam melestarikan bidang penyelidikan di UUM. Buktinya penganjuran seminar ini membuahkan hasil yang memberangsangkan kerana sebanyak 55 kertas kerja berjaya dibentangkan.

Akhirnya, program seumpama ini perlulah diteruskan lagi pada masa hadapan. Melalui kolaborasi yang mantap daripada pihak-pihak lain secara tidak langsung dapat menaikkan semangat, komitmen dan iltizam untuk menambah nilai dalam memperkasakan aktiviti penyelidikan dalam pelbagai bidang selaras dengan aspirasi negara.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

PUSAT PENGAJIAN BAHASA, TAMADUN DAN FALSAFAH (SLCP)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL: 049285701/5703/5706/5584
FAKS: 049285709/5616



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.